

BANDAR RAYA



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



**SAMBUTAN ULANG
TAHUN KE-5 MBSJ:
KOMUNITI TUNJANG
PEMBANGUNAN MBSJ**

m/s 20

**MBSJ LANCAR INISIATIF
RINTIS PERTAMA DI
MALAYSIA MELIBATKAN
KAKITANGAN PENJAWAT
AWAM MBSJ**

m/s 14



**HPPKS 2025
SATUKAN PENJAJA,
PACU EKONOMI DIGITAL
SELANGOR**

m/s 13



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN

MBSJ DINOBATKAN BANDAR PALING MAMPAN 2025...	3
MBSJ TERIMA ANUGERAH JURI BAGI KATEGORI LAMAN WARISAN MALAYSIA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEMPENA FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2025 (KLPPF2025).....	3
MBSJ RANGKUL TEMPAT PERTAMA BAGI KATEGORI "SDG GRASSROOTS INNOVATION" DI 4TH SDG CITY AWARDS 2025.....	4
MBSJ RAIH ANUGERAH EMAS ICQCC 2025 DI TAIPEI...	4
MBSJ RAIH PELBAGAI PENGIKTIRAFAN CEMERLANG PENGURUSAN SUMBER MANUSIA.....	5
MBSJ TERIMA PENGHARGAAN PRIHATIN WARGA EMAS.....	5
PENGIKTIRAFAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PRIHATIN.....	6
MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN PELABUR SELANGOR.....	6
MBSJ PBT PERTAMA DI SELANGOR DAN MALAYSIA TERBIT LAPORAN VOLUNTARY LOCAL REVIEW (VLR) EDISI KEDUA.....	7
MBSJ RAIH TEMPAT KETIGA DAN DIKTIRAF PBT CEMERLANG PELAKSANAAN KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR 2025.....	7
MBSJ PERKUKUH JARINGAN KERJASAMA NEGARA ASEAN.....	8
STS 2025 HIMPUN PAKAR DUNIA, SELANGOR PACU HAB TEKNOLOGI SERANTAU.....	8
SULTAN SELANGOR BERANGKAT RASMIKAN SIBF 2025.....	9
MENEROKA INOVASI SERTA PELUANG PERKUKUH KERJASAMA PELABURAN: MBSJ SERTA 9TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2025.....	9
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2025, KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN (NPC) DAN MYCITY EXPO 2025.....	10
FESTIVAL MAKANAN WARISAN SELANGOR Cipta REKOD MALAYSIA.....	11
SELANGOR HALALVIBE FEST 2025 MERIAH, 300 VENDOR HALAL BERKUMPUL.....	11
PELAN EKONOMI KREATIF SELANGOR SASAR RM20 BILION MENJELANG 2035.....	12
SELKitar PERKUKUH EKONOMI KITARAN, SISTEM SISA DIMODENKAN.....	12
HPPKS 2025 SATUKAN PENJAJA, PACU EKONOMI DIGITAL SELANGOR.....	13
LIBAT URUS REFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN & TADBIR URUS SELANGOR (RSTU).....	14
MBSJ LANCAR INISIATIF RINTIS PERTAMA DI MALAYSIA MELIBATKAN KAKITANGAN PENJAWAT AWAM MBSJ.....	14
MBSJ RAI DETIK BERSEJARAH.....	15
RANTUNYAN KASIH PENGANTIN DIRAJA MERAIKAN RAKYAT DI SHAH ALAM.....	15
MAJLIS APRESIASI AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SELANGOR BAGI PENGAL 2024-2025.....	16
SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2025.....	16
MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-80 DYMM SULTAN SELANGOR.....	17
26 WARGA MBSJ BERTUAH TERIMA INSENTIF TUNAI UMRAH TAHUN 2025.....	17



PROGRAM EKO TEROKA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-5 MBSJ DAN HARI ALAM SEKITAR NEGERA (HASN) 2025.....	18
MBSJ GIAT KITAR SEMULA DAN KUTIPAN E-SISA DI SAUJANA PUCHONG.....	18
KONVENSYEN STRATA MALAYSIA 2025 PERKUKUH KOMUNITI LESTARI.....	19
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSJ KE-15 TAHUN 2025.....	19
SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-5 MBSJ: KOMUNITI TUNJANG PEMBANGUNAN MBSJ.....	20
WARNA-WARNI KOMUNITI.....	22
MBSJ PERKASA TADBIR URUS HOTEL MELALUI PINDAAN BAHARU.....	24
CADANGAN BARU DIUSUL SEMASA MESYUARAT TADBIR URUS REKOD MBSJ BIL 1/2025.....	24
MBSJ-DBP SEMARAK BULAN KUALITI, AUDIT BAHASA JADI TUMPUAN.....	25
JALINAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA MBSJ DAN DBP.....	25
INTEGRITI DAN EMOSI SEIRING DALAM SAMBUTAN BULAN INTEGRITI MBSJ 2025.....	26
12 KUMPULAN BERENTAP DALAM KIA 2025.....	26
22 PASUKAN MERIAHKAN EKSPLORASI INTEGRITI DAN INOVASI MBSJ 2025.....	27
MBSJ LIBAT URUS IKLAN LUARAN, HALA TUJU 2026 DIPERINCI.....	27
MBSJ KONGSI KESEMBERAN BUAT 10 KELUARGA.....	28
18 KELUARGA MANGSA KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS TERIMA KEDIAMAN BAHARU.....	28
SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2025 SERLAH KEHARMONIAN KOMUNITI BANDAR RAYA.....	29



DRAF RANCANGAN TEMPATAN SUBANG JAYA 2035 (PENGUBAHAN 1) SEDIA DISEMAK.....	29
PENGIKTIRAFAN ATAS PEMBUDAYAAN AKTIVITI KITAR SEMULA.....	30
MAJLIS PENYERAHAN LORI BAGI KONTRAK BAHARU PERKHIDMATAN KDB WASTE MANAGEMENT DI MBSJ.....	30
TOTYA 2025 ANGKAT BUDAYA KEBERSIHAN AWAM.....	31
LINDUNGI KAKITANGAN MBSJ MELALUI IMUNISASI INFLUENZA.....	31
CERAMAH CAKNA PENGURUSAN EMOSI DAN KERJAYA.....	32
CERAMAH IPD SUBANG JAYA BANTU CEGAH PENIPUAN.....	32
MBIP KE MBSJ, AMALAN TERBAIK PENGUATKUASAAN DIKONGSI.....	33
MBSJ KONGSI AMALAN SUMBER MANUSIA.....	33
MBSJ BANTERAS AKTIVITI BESI BURUK HARAM.....	34
MBSJ TEGAS: OPERASI BUKIT SERDANG, BARANGAN PENJAJA DISITA.....	34



PREMIS SNOOKER DISITA DAN DITUTUP.....	34
LAKSANA OPERASI BAGI KEBERKALAN TAHAP KEBERSIHAN DEMI KESIHATAN AWAM.....	35
MBSJ SITA LORI DAN JENTERA PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PUCHONG.....	35
ANJUR PELBAGAI AKTIVITI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA.....	36
MBSJ GALAK KOMUNITI SIHAT MELALUI PENGANJURAN PERLAWANAN PICKLEBALL.....	36
KEJOHANAN SELANGOR CRITERIUM SERIES 2025 (SCS2025) MELABUHKAN TIRAINYA.....	37
SESI PENGENALAN 10 PENAJA UTAMA SUBANG JAYA HALF MARATHON (SJHM) 2026.....	37
RAJA MUDA SELANGOR BERANGKAT KE SFC PARTNERS PRESENTATION DAY 2025.....	38
MBSJ NAIB JUARA PERLAWANAN PERINGKAT AKHIR MAKSAK GAMES 2025 - FUTSAL LELAKI & WANITA.....	38
MAKSAK SELANGOR RANGKUL GELARAN JOHAN DALAM FESTIVAL ANAK SENI MAKSAK (FASIM) 2025.....	39

SIDANG REDAKSI

PENAUUNG:

Dato' Amirul Aziz bin Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pegawai
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pegawai
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah



MBSJ DINOBATKAN BANDAR PALING MAMPAN 2025



Pengiktirafan bandar paling mampan mengukuhkan komitmen perancangan bandar yang seimbang dan berteraskan kelestarian apabila MBSJ menerima Anugerah Bandar Paling Mampan bagi Tahun 2025 dalam Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor 2025 di Dataran Malawati, Jalan Raja Lumu, Kuala Selangor pada 8 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan.

Anugerah Bandar Paling Mampan bagi Tahun 2025 itu diterima oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, berdasarkan penilaian Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development - MURNInets) bagi tahun 2025, serta disaksikan ketua-ketua jabatan MBSJ.

Pencapaian ini menjadi penanda aras penting bagi memastikan perancangan bandar kekal seimbang, berdaya huni dan berteraskan kelestarian, di samping memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap hala tuju pembangunan bandar raya.



MBSJ TERIMA ANUGERAH JURI BAGI KATEGORI LAMAN WARISAN MALAYSIA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEMPENA FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2025 (KLPF2025)



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melakar kejayaan membanggakan apabila merangkul Anugerah Juri bagi kategori Laman Warisan Malaysia (Pihak Berkuasa Tempatan) di Festival Taman Kuala Lumpur 2025 (KLPF2025). Anugerah tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur, kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bertempat di Taman Tasik Titiwangsa.

Penyertaan MBSJ kali ini membawakan tema 'Anjung Sari Desa' yang diinspirasi daripada kehidupan komuniti Orang Asli Temuan di Kampung Sungai Rasau Hilir, Puchong. Konsep landskap tersebut memaparkan keindahan alam semula jadi hutan dan 'Blue Lagoon' Hutan Simpan Ayer Hitam, yang diperkukuhkan lagi dengan persembahan kebudayaan oleh komuniti Orang Asli sendiri.

Terdahulu, festival berprestij ini telah diasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah pada 17 Oktober 2025. Kejayaan ini membuktikan komitmen jitu MBSJ dalam memartabatkan khazanah warisan dan kelestarian alam semula jadi di bawah pentadbirannya.

MBSJ RANGKUL TEMPAT PERTAMA BAGI KATEGORI "SDG GRASSROOTS INNOVATION" DI 4TH SDG CITY AWARDS 2025



MBSJ telah berjaya meraih tempat pertama bagi kategori "SDG Grassroots Innovation" menerusi projek "Community Disaster Resilience Strategic Plan" dalam 4th SDG City Awards 2025 yang berlangsung di Denpasar, Bali, Indonesia pada 27 Oktober 2025.

MBSJ merupakan salah 1 daripada 11 finalis terpilih daripada lebih 600 kajian kes yang dihantar oleh kerajaan tempatan dari seluruh rantau Asia Pasifik, sekaligus mengangkat nama Selangor dan Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan berprestij ini disampaikan oleh CityNet Secretariat dengan kerjasama ESCAP dan Kerajaan Metropolitan Seoul sebagai pengiktirafan terhadap komitmen MBSJ dalam menjayakan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG) melalui inovasi akar umbi dan penguatan ketahanan komuniti terhadap risiko bencana.

MBSJ turut berpeluang berkongsi inisiatif ini dalam forum terbuka bersama panel juri antarabangsa serta mempersembahkan kajian kes di galeri Anugerah Pilihan Penonton (Audience Choice Award) di Pusat Konvensyen Bali Beach, Sanur.



MBSJ RAIH ANUGERAH EMAS ICQCC 2025 DI TAIPEI



Pencapaian cemerlang dilakar oleh MBSJ di pentas antarabangsa apabila dua pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), iaitu Pasukan C-Force (Jabatan Teknologi Maklumat) dan Pasukan Renew SJCC (Jabatan Hasil) merangkul Gold Award dalam International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2025. Pertandingan berprestij itu berlangsung di Taipei International Convention Centre (TICC), Taipei, Taiwan.

Kejayaan ini mencerminkan komitmen MBSJ membudayakan inovasi, kreativiti dan kecemerlangan perkhidmatan awam,

di samping memperkukuh keupayaan penyampaian berasaskan penambahbaikan berterusan. Pencapaian ini turut membuktikan usaha warga kerja yang konsisten menghasilkan solusi berimpak tinggi, sekali gus mengangkat reputasi bandar raya pada peringkat antarabangsa.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada kedua-dua pasukan atas dedikasi serta kejayaan yang membanggakan. Semoga pencapaian ini terus menjadi pemangkin budaya kerja berinovasi dan amalan terbaik organisasi demi kemajuan masyarakat.





MBSJ RAIH PELBAGAI PENGIKTIRAFAN CEMERLANG PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



MBSJ mengulangi kejayaannya apabila berjaya meraih pelbagai pengiktirafan semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Penutup Persidangan Pengurus-Pengurus Sumber Manusia dan Hari Psikologi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025 pada 27 – 28 Oktober 2025 bertempat di Geno Hotel, Subang Jaya.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor. Turut hadir bersama ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Di antara pengiktirafan yang diterima MBSJ adalah Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Standard Kualiti Pelaksanaan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan Program Pementoran Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2025 serta Anugerah Penyertaan Kursus Tertinggi bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan di Pusat Latihan Awam Selangor, Morib.

Selain itu, MBSJ turut meraih pencapaian cemerlang dalam Program Pementoran Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2025 (kategori PBT) melalui pengiktirafan berikut:

- a) Mentor Terbaik – [Tempat Pertama]
 Encik Muhammad Khairul Hazwan bin Amir Sharifudin
- b) Menti Terbaik – [Tempat Ketiga]
 Encik Muhammad Nur Arif bin Samat
- c) Pasangan Mentor-Menti Terbaik – [Tempat Pertama]
 Encik Khairul Hannan bin Shafiai
 Encik Nor Zufan bin Omar

Seterusnya, seramai 13 warga kerja MBSJ turut dianugerahkan Sijil Pentauliahan AKRAB Tahun 2025 sebagai pengiktirafan terhadap komitmen mereka dalam memperkukuh sokongan psikososial dan memantapkan profesionalisme perkhidmatan.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan Majlis Peluncuran Buku Terma Rujukan Pusat Kaunseling Selangor sebagai rujukan dan panduan kesemua yang hadir pada majlis tersebut.



Tahniah diucapkan kepada semua penerima penganugerahan dan pentauliahan yang telah mengharumkan nama organisasi serta memperkukuh kecemerlangan perkhidmatan di MBSJ.



MBSJ TERIMA PENGHARGAAN PRIHATIN WARGA EMAS



Penghargaan Prihatin WARGA EMAS MAJLIS BANDARA SUBANG JAYA (ME)



U usaha berterusan MBSJ dalam memastikan pengurusan keperluan warga emas di pentadbirannya terus dengan sebaiknya akhirnya diiktiraf apabila MBSJ dianugerahkan Sijil Penghargaan Prihatin Warga Emas.

Penghargaan tersebut telah disampaikan kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 5 Oktober 2025 bertempat di Kiana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan majlis Peluncuran Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026–2030 iaitu salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memperkasakan kesejahteraan warga emas serta menangani cabaran negara yang menuju fasa menua menjelang tahun 2030. Pelan ini menjadi rangka kerja strategik untuk memastikan warga emas terus aktif, dihormati dan dilindungi.





PENGIKTIRAFAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PRIHATIN



MBSJ berbesar hati menerima pengiktirafan Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin sempena sambutan HOKU 2025 dalam Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (HOKU) Peringkat Kebangsaan 2025 pada 3 Disember 2025 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Seri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat.

Penganugerahan ini akan terus menjadi pemangkin kepada MBSJ untuk terus memacu pembangunan bandar raya inklusif serta mempertingkatkan kesejahteraan komuniti OKU di masa hadapan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN PELABUR SELANGOR



Majlis Selangor Investors Appreciation Awards diadakan di Setia City Convention Centre, Setia Alam pada 20 November 2025 dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Program ini memperkuh keyakinan terhadap ekosistem pelaburan negeri.

Dalam majlis tersebut, MBSJ menerima anugerah kategori 'Special Recognition Award for Government & Technical Agencies in Selangor' yang disampaikan kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ.

Tahniah dan syabas kepada MBSJ atas pengiktirafan ini yang mencerminkan komitmen berterusan dalam menjayakan kerjasama strategik serta memastikan



penyampaian perkhidmatan yang berkualiti demi pembangunan lestari dan kesejahteraan komuniti Subang Jaya.



17 DISEMBER 2025 (RABU)

8.30 PAGI

SUNWAY RESORT HOTEL, BANDAR SUNWAY



MBSJ PBT PERTAMA DI SELANGOR DAN MALAYSIA TERBIT LAPORAN VOLUNTARY LOCAL REVIEW (VLR) EDISI KEDUA



MBSJ mencatat satu lagi pencapaian bersejarah apabila menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Selangor dan Malaysia yang berjaya menerbitkan Laporan Voluntary Local Review (VLR) Edisi Kedua selaras dengan piawaian pelaporan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations).

Penerbitan ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam memperkukuh

tadbir urus bandar yang mampan, inklusif dan berdaya tahan, demi kesejahteraan komuniti serta pembangunan bandar yang lestari.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim. Dalam majlis ini turut diadakan Sesi Plenari dan Sesi Dialog Eksekutif, selain penyampaian sijil penghargaan kepada 22 Ahli Jawatankuasa SDG daripada jabatan dalam MBSJ sebagai pengiktirafan atas sumbangan serta komitmen mereka.



MBSJ RAIH TEMPAT KETIGA DAN DIIKTIRAF PBT CEMERLANG PELAKSANAAN KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR 2025



Penyampaian sijil penghargaan telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

MBSJ berbangga apabila berjaya meraih tempat ketiga dan diiktiraf sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang bagi pelaksanaan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar 2025 dalam Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia (SHKPS) Peringkat Kebangsaan 2025 pada 9 Oktober 2025 yang berlangsung di Bangi Avenue Convention Centre.

SHKPS merupakan acara tahunan yang menonjolkan peranan KPKT dan 156 PBT dalam memastikan kebersihan persekitaran serta pencegahan penyakit di peringkat komuniti dengan tema tahun ini "Persekitaran Sejahtera, Masyarakat Harmoni, Negara MADANI" yang menjadikannya platform penting bagi perkongsian ilmu dan inovasi antara PBT serta profesional kesihatan persekitaran ke arah mewujudkan persekitaran sihat dan lestari.



MBSJ PERKUKUH JARINGAN KERJASAMA NEGARA ASEAN



YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, ketua-ketua jabatan serta pegawai MBSJ telah menghadiri Persidangan ASEAN: Perkhidmatan Awam Bersedia Menghadapi Masa Hadapan (Asean Conference On Future-Ready Public Service) pada 7 Oktober 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bertempat di Sunway Resort Hotel, Selangor.

Persidangan di bawah platform ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) ini menjadi medan perkongsian idea dan strategi bagi memperkukuh kesiapsiagaan perkhidmatan awam serantau dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Sepanjang persidangan ini, tiga sesi plenari telah diadakan dengan mengetengahkan

tema utama iaitu kepimpinan, pembangunan modal insan, dan teknologi.

Selain itu juga, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ turut hadir ke Majlis Makan Malam Gala sempena Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) ke-34 turut diadakan pada 8 Oktober 2025 yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor di Sunway Resort Hotel.

ASCC menjadi platform penting Negara-Negara Anggota ASEAN untuk memperkukuh kerjasama serantau ke arah ASEAN 2045: Our Shared Future berteraskan keterangkuman, kelestarian dan identiti ASEAN.



STS 2025 HIMPUN PAKAR DUNIA, SELANGOR PACU HAB TEKNOLOGI SERANTAU



Majlis Perasmian Selangor Techsphere Summit (STS) 2025 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 11 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Persidangan dua hari pada 11 hingga 12 November 2025 menghimpunkan pakar tempatan dan antarabangsa bagi membincangkan teknologi, kelestarian serta pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Inisiatif ini sejajar aspirasi STS 2025 untuk memperkukuh Malaysia sebagai peneraju industri serantau, di samping meneguhkan Selangor sebagai hab sektor pembuatan, logistik dan teknologi.

Penganjuran platform seumpama ini menjadi pemangkin jaringan kerjasama strategik dan perkongsian kepakaran yang lebih menyeluruh, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi berinovasi serta pembangunan bakat masa hadapan.





SULTAN SELANGOR BERANGKAT RASMIKAN SIBF 2025



DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2025 (SIBF 2025) di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam pada 28 November 2025, diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ.

Bertemakan "Connecting Heart and Mind", SIBF 2025 dianjurkan bersama Selangor Public Library Corporation (PPAS) untuk memupuk budaya membaca dan memperkasakan ilmu. Penganjuran ini menghimpunkan komuniti pembaca dalam suasana yang lebih dekat dan inklusif.

Program berlangsung dari 28 November hingga 7 Disember 2025 dengan pelbagai pengisian termasuk cabutan bertuah harian bernilai RM500, pelancaran eksklusif dan diskaun istimewa, sesi bersama penulis, bercerita, bengkel kreatif, zon mesra keluarga, aktiviti interaktif, pilihan buku pelbagai bahasa dan genre, serta forum dan pameran budaya. Penganjuran ini diharap menyemarakkan ekosistem literasi yang lebih bermakna dalam komuniti.



MENEROKA INOVASI SERTA PELUANG PERKUKUH KERJASAMA PELABURAN: MBSJ SERTAI 9TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2025



MBSJ tidak ketinggalan dalam mempersembahkan inovasi terkini serta mempromosikan potensi dan peluang pembangunan di Subang Jaya melalui penyertaannya di 9th Selangor International Business Summit (SIBS) 2025 yang berlangsung pada 8 hingga 11 Oktober 2025 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.

Platform utama ini memberi ruang kepada MBSJ untuk memperkukuh kerjasama perdagangan antarabangsa ke pentadbiran MBSJ.

DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut berkenan merasmikan Selangor International Business Summit (SIBS) 2025 pada 8 Oktober 2025 yang lalu.

Baginda diiringi oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia serta YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.





MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2025, KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN (NPC) DAN MYCITY EXPO 2025



Sekitar Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025, Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) dan MyCITY Expo 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadilah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dengan diiringi oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Majlis berlangsung di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Penganjuran ini merupakan kolaborasi strategik antara PLANMalaysia, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dengan sokongan penuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Turut hadir bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Perancang Bandar MBSJ serta pegawai MBSJ.

Dalam majlis ini, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor turut meluangkan masa mengunungi pameran MBSJ di Booth 9 dan 10 yang berlangsung dari 28 hingga 31 Oktober 2025 di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya.

Bersempena dengan sambutan yang sama, MBSJ turut diberi peluang untuk sesi Pocket Talk yang diadakan di Pavilion MIP, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Sesi bertajuk "Strategi Digitalisasi Perkhidmatan Bandar: Pendekatan Holistik MBSJ" ini telah dikendalikan oleh Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ bersama panel jemputan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Jabatan Perancang Bandar; Encik Samzol bin Saat, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat serta Cik Suzannah Hanim Wong, Ahli Majlis MBSJ.

Turut hadir bagi memberikan sokongan terhadap sesi ini ialah ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai MBSJ.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
CHIEF MINISTER OF SELANGOR

Dr. EMIL ELESTIANTO DARDAS
VICE GOVERNOR OF EAST JAVA
IMMEDIATE PAST PRESIDENT, EARCH





FESTIVAL MAKANAN WARISAN SELANGOR CIPTA REKOD MALAYSIA



Rekod baharu tercipta pada Festival Makanan Warisan Selangor 2025 apabila penganjurannya diiktiraf oleh Malaysia Book of Records di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 1 November 2025. Festival anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor.

Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk

Bandar, MBSJ, di samping Ahli-ahli Majlis serta warga kerja MBSJ.

Tumpuan pengunjung terarah kepada dua tarikan utama, iaitu edaran 4,291 keping lempeng sagu biji mata ikan kepada orang ramai serta pembinaan formasi Rumah Api Kuala Selangor terbesar menggunakan 55,000 keping kuih Beppa Pute setinggi 25 meter. Pencapaian ini menyerlahkan ketekunan masyarakat memelihara resipi tradisi, di samping mengangkat simbol ikonik Kuala Selangor dalam bentuk yang unik dan berimpak visual.



Kemeriahan festival disemarakkan dengan penyertaan MBSJ yang mengedarkan lempeng nasi bersama kari ayam dan serawa durian kepada pengunjung. Penyertaan ini turut membuahkan hasil apabila MBSJ meraih

tempat kedua dalam Pertandingan Pavilion Terbaik melalui tema "Kopitiam Kenanga", sekaligus menonjolkan keupayaan penceritaan warisan menerusi konsep pameran yang dekat dengan budaya masyarakat.

SELANGOR HALALVIBE FEST 2025 MERIAH, 300 VENDOR HALAL BERKUMPUL



Selangor Halalvibe Fest 2025 telah diadakan di Dataran Karnival, Stadium Shah Alam bermula 27 November 2025. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi, dan turut dihadiri YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Festival berlangsung pada 27 hingga 30 November 2025, 8.00 pagi hingga 10.00 malam dengan pengisian seperti 5KM Fun Run, Pertandingan Street Soccer, Pertandingan Meowdel Si Comel, MAMEE Chef Cilik, pertandingan kanak-kanak (mewarna dan bercerita), forum perdana, persembahan artis tanah air, cabutan bertuah serta demonstrasi interaktif.

Lebih 300 vendor halal menawarkan pelbagai produk termasuk makanan, minuman, fesyen, aksesori dan gaya hidup. Penganjuran ini menghidupkan suasana bandar melalui aktiviti seisi keluarga, di samping memperluas peluang peniaga melalui platform promosi yang lebih dekat dengan masyarakat.



PELAN EKONOMI KREATIF SELANGOR SASAR RM20 BILION MENJELANG 2035



Pelan Tindakan Ekonomi Kreatif Negeri Selangor 2025–2035 dilancarkan di Foyer SUK Selangor, Bangunan SSAAS, Shah Alam pada 24 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ yang menerima pelan tindakan bagi pihak MBSJ. Kehadiran ini mencerminkan kesediaan MBSJ menyokong hala tuju negeri dalam memperluas ekosistem kreatif yang berdaya saing.

Pelan ini menetapkan sasaran penajaan RM20 bilion menjelang 2035 dan berteraskan tiga komponen utama iaitu Multimedia dan Digital, Seni dan Budaya, serta Inovasi dan Keusahawanan Kreatif. Pelaksanaan pelan ini dijangka memperkasa bakat, memperluas peluang ekonomi dan mengukuhkan daya tarikan bandar yang lebih dinamik serta berdaya cipta.



SELKITAR PERKUKUH EKONOMI KITARAN, SISTEM SISA DIMODENKAN



Majlis Pelancaran Program SELKitar peringkat Negeri Selangor serta Penyerahan Lori Operasi SELKitar oleh KDEB Waste Management (KDEBWM) diadakan pada 25 November 2025 dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Inisiatif ini memodenkan sistem pengurusan sisa dan memperkukuh ekonomi kitaran di negeri ini.

Pelaksanaan SELKitar menyokong usaha menuju Selangor yang lebih bersih, mampan dan berdaya huni, di samping membudayakan amalan kitar semula melalui pendekatan operasi yang lebih sistematik.

Majlis turut dihadiri YB Puan Jamaliah Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ bersama pegawai MBSJ. Inisiatif bersepadu ini diharap memperkukuh pengurusan sisa yang lebih cekap demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian persekitaran.



HPPKS 2025 SATUKAN PENJAJA, PACU EKONOMI DIGITAL SELANGOR



Sambutan Hari Penjaja & Peniaga Kecil Selangor (HPPKS) 2025 bertemakan "Penjaja & Peniaga Kecil Pemacu Ekonomi Digital Selangor" dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] bersama MBSJ pada 21 hingga 22 November 2025 di The Roundabout, Putra Heights. Majlis perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, YBhg. Dato' Ts. Saipolyazan bin Mat Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI, YAM Dato' Tengku Ahmad Badli Shah bin Raja Hussin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, YB Tuan Prakash a/l Sampunathan, ADN Kota Kemuning, YBrs. Tuan Ahmad Azri bin Zainal Nor, Ketua Yayasan MBI serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, di samping Datuk Bandar dan Yang Dipertua PBT seluruh Selangor. Majlis turut menyaksikan pelancaran inisiatif kerjasama MBI-Agrobank melalui skim pembiayaan mikro tanpa kadar keuntungan, AGROPLATS Biaya Plus-i, dengan permohonan dibuka mulai Januari 2026 di semua cawangan Agrobank di Selangor.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang penganjuran termasuk jualan Ehsan Rahmah, persembahan artis jemputan, lebih 70 reruai produk tempatan, pertunjukan helikopter RC, Eco Free Market, senamrobik, kupon PLATS percuma serta promosi telur 1 papan RM1.00



LIBAT URUS REFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN & TADBIR URUS SELANGOR (RSTU)



Sekitar sesi Libat Urus Reformasi Sistem Penyampaian & Tadbir Urus Selangor (RSTU) yang telah disampaikan oleh Encik Mohd Sharil bin Zainal, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Cawangan Pengurusan Strategik, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 15 Oktober 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

RSTU berperanan sebagai pemacu utama dalam pelaksanaan dasar kerajaan negeri melalui pembaharuan sistem penyampaian dan tadbir urus yang lebih cekap, telus dan berimpak tinggi.



MBSJ LANCAR INISIATIF RINTIS PERTAMA DI MALAYSIA MELIBATKAN KAKITANGAN PENJAWAT AWAM MBSJ



MBSJ dengan kerjasama Yayasan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) telah melancarkan inisiatif rintis pertama di Malaysia melibatkan kakitangan penjawat awam MBSJ dengan mengadakan Program Pecutan Akhir SPM yang merupakan sebahagian daripada Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS).

Majlis Pelancaran Kelas Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) Yayasan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) bersama MBSJ telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ahmad Azri bin Zainal Nor, Ketua Yayasan MBI bersama YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ pada 15 Oktober 2025 bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

Program ini berlangsung selama 9 hari bermula 15 Oktober hingga 1 November 2025 yang memberi tumpuan kepada teknik menjawab soalan mengikut silibus terkini, dengan modul pembelajaran fizikal dan dalam talian yang ditaja sepenuhnya oleh MBI.



MBSJ RAI DETIK BERSEJARAH



Sekitar kemeriahan Perarakan Sempena Istiadat Pernikahan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Yang Mulia Datin Paduka Seri Afzaa Fadini binti Dato' Abdul Aziz yang pada 2 Oktober 2025.

Warga kerja MBSJ turut hadir memeriahkan suasana dalam perarakan penuh adat istiadat ini yang berarak dari Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz ke Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya merafak sembah setinggi-tinggi tahniah sempena Istiadat

Perkahwinan Diraja Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Yang Mulia Datin Paduka Seri Afzaa Fadini binti Dato' Abdul Aziz.



SANTUNAN KASIH PENGANTIN DIRAJA MERAIKAN RAKYAT DI SHAH ALAM



Santunan Kasih Pengantin Diraja Bersama Rakyat berlangsung di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Seksyen 14 pada 7 November 2025. DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor berkenan mencemar duli menyantuni rakyat bersama Yang Mulia Datin Paduka Seri Afzaa Fadini binti Dato' Abdul Aziz.

Majlis dimeriahkan dengan tayangan video Majlis Pernikahan Pengantin Diraja, persembahan kebudayaan serta artis jemputan, pertunjukan bunga api dan jamuan makan

bersama rakyat. Penganjuran ini mencerminkan semangat kebersamaan yang mengeratkan hubungan antara institusi diraja dan masyarakat dalam suasana yang tertib serta beradab.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ serta warga kerja MBSJ. Penganjuran majlis seumpama ini diharap menyuburkan nilai muafakat, memperteguh hubungan rakyat dan institusi diraja, serta menyemarakkan keharmonian negeri demi kemajuan masyarakat.





MAJLIS APRESIASI AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SELANGOR BAGI PENGGAL 2024-2025



Majlis Apresiasi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor bagi Penggal 2024-2025 telah berlangsung pada 17 Disember 2025 dan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam.

Majlis ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan atas perkhidmatan dan sumbangan Ahli-ahli Majlis PBT Selangor sepanjang tempoh penggal 2024-2025 yang berakhir pada 31 Disember 2025.



Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Ahli-ahli Majlis MBSJ.



SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2025



YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama Ahli-ahli Majlis MBSJ telah menghadiri Sambutan Perayaan Krismas Peringkat Negeri Selangor 2025 pada 14 Disember 2025.

Majlis sambutan ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan bertempat di Kawasan Parkir Terbuka, Pusat Membeli-Belah One Utama.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan istimewa serta dihidangkan pelbagai juadah menarik kepada para hadirin sekaligus memupuk semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Negeri Selangor.



MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT SEMPENA **SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-80 DYMM SULTAN SELANGOR**



Sekitar Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-80 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibrni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Keberangkatan tiba DYMM Sultan Selangor disambut oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri. DYTM Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor turut berkenan berangkat ke majlis ini.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Yasin, Tahlil dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor. DYMM Sultan Selangor turut berkenan menunaikan Solat Jumaat



bersama para jemaah yang hadir.

Turut hadir bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Seri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ

26 WARGA MBSJ BERTUAH TERIMA INSENTIF TUNAI UMRAH TAHUN 2025



Seramai 26 warga kerja MBSJ yang bertuah telah terpilih menunaikan ibadah umrah bagi tahun ini. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa menyantuni kakitangan yang terpilih pada 5 Disember 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Turut hadir bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Pemberian insentif ini merupakan penghargaan MBSJ terhadap jasa dan khidmat bakti mereka yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun, sekaligus mencerminkan penghargaan organisasi terhadap dedikasi dan komitmen berterusan warga kerja.

Semoga para jemaah diberkati dengan kelancaran, keselamatan serta dikurniakan umrah yang maabrur.



PROGRAM EKO TEROKA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-5 MBSJ DAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2025



Seramai 40 pasukan terdiri daripada sekolah rendah dan menengah dengan penyertaan seramai 160 pelajar dan guru serta turut disertai oleh 13 agensi penyumbang caj beg plastik telah menyertai Program Eko Teroka sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-5 MBSJ dan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 yang telah berlangsung dengan meriah pada 13 Oktober 2025 bertempat di Sunway Lagoon, Bandar Sunway.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir Encik Tah Yap Keoh, Ahli Majlis MBSJ Zon 2,

Stephen Lee, Senior Director – Operations, Sunway Lagoon Sdn. Bhd., Encik Muhammad Akmal bin Jamaluddin, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (Sektor Pembangunan Murid), PPD Petaling Perdana serta ketua-ketua jabatan MBSJ.

Bertemakan “Perangi Pencemaran Plastik”, program ini menekankan konsep kitar semula dan kelestarian alam dalam usaha memupuk kesedaran serta amalan hijau dalam kalangan generasi muda. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua peserta dan pemenang yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan program ini.



MBSJ GIAT KITAR SEMULA DAN KUTIPAN E-SISA DI SAUJANA PUCHONG



Program Kesedaran Kitar Semula dan Kutipan E-Sisa MBSJ diadakan di Dewan Terbuka Saujana Puchong, Jalan SP 8/1 pada 8 November 2025. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran penduduk sekitar Saujana Puchong dan Mutiara Indah mengenai kepentingan kitar semula, di samping memberi maklumat berhubung pelaksanaan kutipan kitar semula pintu ke pintu (SELKITAR).

Majlis turut dihadiri Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy, Ahli Majlis, MPP Zon 17 dan Puan Hajah Azura binti Mohd Don, Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, MBSJ. Penglibatan pelbagai pihak mencerminkan komitmen memperluas amalan hijau dan memperkukuh pengurusan sisa yang lebih bertanggungjawab.

Sepanjang program, sebanyak 540.50 kilogram bahan kitar semula dan 15 unit e-sisa berjaya dikutip dengan penyertaan 85 peserta. Program ini disokong oleh KDEBWM, Nestlé Malaysia, MK Sustainable Scrap dan Jabatan Kesihatan, MBSJ yang turut membuka reruai pameran bagi mempromosikan amalan kitar semula serta memperkasa kefahaman masyarakat terhadap pengurusan sisa secara lestari.





KONVENSYEN STRATA MALAYSIA 2025 PERKUKUH KOMUNITI LESTARI



Pengurusan komuniti strata yang lebih tersusun dan mampan terus diperkukuh menerusi Konvensyen Pembangunan Strata Malaysia 2025 bertemakan "Memperkasakan Pembangunan Strata, Ke Arah Komuniti Lestari" anjuran MBSJ di Sime Darby Convention Centre, Bukit Kiara pada 4 hingga 5 November 2025. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Selangor bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ.

Konvensyen selama dua hari ini menghimpunkan lebih 150 peserta daripada pelbagai agensi serta pihak pengurusan strata bagi memperkukuh kefahaman, menyelaraskan amalan pengurusan dan memperkasakan perkongsian ilmu ke arah pembentukan komuniti yang harmoni serta lestari.

Melalui platform ini, MBSJ memperteguh komitmen memperkasakan pengurusan komuniti strata yang mampan demi kesejahteraan warga bandar raya Subang

Jaya. Perkongsian amalan terbaik yang diketengahkan turut menyokong usaha memperkemas tadbir urus strata secara lebih bersepadu.

Inisiatif seumpama ini wajar diteruskan bagi memperkasakan pengurusan strata yang mampan, sekaligus menyokong pembentukan komuniti bandar raya yang lebih lestari.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSJ KE-15 TAHUN 2025



Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSJ Ke-15 Tahun 2025 telah diadakan pada 10 Disember 2025 bertempat di Hotel The Summit, Subang Jaya, Selangor

Mesyuarat ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha, Pengerusi PUSPANITA MBSJ. Dalam mesyuarat ini, turut dibentangkan Laporan Tahunan PUSPANITA oleh Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, Setiausaha PUSPANITA MBSJ serta diadakan pemilihan Jawatankuasa PUSPANITA MBSJ bagi Sesi 2026/2027.

Mesyuarat ini menjadi platform penting bagi mempertingkatkan perancangan strategik, penglibatan aktif ahli, dan pencapaian objektif PUSPANITA MBSJ.





SAMBUTAN ULAN KOMUNITI TUNJANG

MBSJ merakamkan setinggi penghargaan buat komuniti yang telah bersama dengan MBSJ dan sentiasa menjadi tunjang dalam setiap perancangan dan tindakan MBSJ.

Bersempena dengan sambutan pada kali ini, MBSJ telah memulakan sambutan

dengan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Ulang Tahun ke-5 MBSJ pada 20 Oktober 2025 bertempat di Masjid Al-Madaniah, USJ 18, Subang Jaya. Majlis penuh keberkatan ini dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Syukri bin Haji Mohd Nor, Imam Masjid Al-Madaniah, USJ 18.

MBSJ turut mengadakan Pertandingan Karom Terbuka pada 25 Oktober 2025 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ. YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ turut hadir memberi sokongan





GTAHUN KE-5 MBSJ: PEMBANGUNAN MBSJ

dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Seterusnya, pada 26 Oktober 2025 merupakan kemuncak acara sambutan di mana MBSJ telah mengadakan Festival Subang Jaya di Nu Empire dan Subang Parade, Subang Jaya. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya seperti Pushbike Challenge, Pertandingan E-Sport (FC26 dan MLBB), Pertandingan Dart, Netball Shootout (5 on 5), Pertandingan Mewarna serta program Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan Derma Darah, di

samping penyertaan Kiosk iVET PETCARE yang turut memeriahkan suasana.

Terima kasih kepada lebih 3,000 pengunjung yang hadir serta rakan kolaborasi atas sokongan bagi memeriahkan Festival Subang Jaya 2025.





WARNA-W

AKTIVITI MPP BULAN

OKTOBER

MPP ZON 1



7.10.2025 (ISNIN)
LADIES MORNING EXERCISE
 KRT S 15/2&3

MPP ZON 4



30.10.2025 (KHAMIS)
WOWBEATZ DRUM CIRCLE
 PUSAT KOMUNITI MPP ZON 4

MPP ZON 22



24.10.2025 (JUMAAT)
PROGRAM DANCE PRACTICE FOR HEALTH
 GELANGGANG FUTSAL BS5, TAMAN BUKIT SERDANG

MPP ZON 24



26.10.2025 (AHAD)
PROGRAM JUALAN EHSAN RAHMAH KASIH SAYANG
 GELANGGANG BOLA KERANJANG LAMAN SUKAN

MPP ZON 3



12.11.2025 (RABU)
SUNSHINE LINE DANCE GROUP
 GELANGGANG BASKETBALL USJ14

MPP ZON 4



27.11.2025 (KHAMIS)
RIADAH BADMINTON
 DEWAN SERBAGUNA MBSJ USJ 7 SUKAN

DISEMBER

MPP ZON 9



20.12.2025 (SABTU)
PESTA MAKAN DURIAN MPP 9
 TAMAN BLOK F PUCHONG PERMAI

MPP ZON 20



9.12.2025 (SELASA)
KARAOKE NIGHT WARGA EMAS
 BALAI MASYARAKAT JALAN 2/1, SERDANG JAYA

MPP ZON 20



21.12.2025 (AHAD)
PROGRAM KITAR SEMULA
 BALAI MASYARAKAT BS4/2, TAMAN BUKIT SERDANG

ARNI KOMUNITI

OKTOBER • NOVEMBER • DISEMBER 2025

MPP ZON 4



26.10.2025 (AHAD)
JUALAN AMAL SAYUR-SAYURAN & BUAH-BUAHAN
KABIN KRT USJ 3FOUR

MPP ZON 16



17.10.2025 (JUMAAT)
PROGRAM PRINZ INTERNATIONAL SCHOOL
TAMAN REKREASI WAWASAN

NOVEMBER

MPP ZON 1



23.11.2025 (AHAD)
PERLAWANAN BOLA SEPAK
PADANG KOMPLEKS 3K

MPP ZON 1



21.11.2025 (JUMAAT)
ENERGY TRANSFER, YUAN SHI DAN
KRT SS15/3

MPP ZON 16



23.11.2025 (AHAD)
PROGRAM PET ADOPTION PAWTARIAN
IOI RIO PUCHONG

MPP ZON 22



18.11.2025 (SELASA)
PROGRAM LET'S DANCE IN SERDANG
SJKC SERDANG BARU 1

MPP ZON 9



23.12.2025 (SELASA)
SUMBANGAN MEJA TENIS MPP 9
PANGSAPURI DESA IMPIAN, TAMAN SERI PUCHONG

MPP ZON 20



06.12.2025 (SABTU)
LAWATAN MPP ZON 20 KE KEBUN KOMUNITI MPP ZON 24
JALAN SUNGAI BESI INDAH 2

MPP ZON 24



22.12.2025 (ISNIN)
PROGRAM TARIAN BHARATANATYAM
BALAI MASYARAKAT TAMAN SUNGAI BESI INDAH



MBSJ PERKASA TADBIR URUS HOTEL MELALUI PINDAAN BAHARU



Sekitar Mesyuarat Majlis bagi mendapatkan kelulusan Draf Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Bandaraya Subang Jaya) (Pindaan) 2025 bagi tujuan pewartaan pada 9 Disember 2025 jam 8.00 malam bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amirul bin Dato' Seri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama ahli-ahli majlis serta ketua-ketua jabatan MBSJ.



CADANGAN BARU DIUSUL SEMASA MESYUARAT TADBIR URUS REKOD MBSJ BIL. 1/2025



Pada 5 Disember 2025 telah berlangsung Mesyuarat Tadbir Urus Rekod MBSJ Bil. 1/2025 bertempat di Bilik Mesyuarat, Ibu pejabat MBSJ.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ ini menumpukan kepada pengurusan rekod di MBSJ oleh pegawai rekod jabatan.

Selain itu juga, mesyuarat ini turut dihadiri oleh Encik Mohamad Faiz bin Ismail, Ketua Seksyen Pengurusan Rekod dan Registri, Arkib Negara bagi membincangkan cadangan penubuhan Unit Registri, Bilik Fail Berpusat serta pelaksanaan Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0) di MBSJ.





MBSJ-DBP SEMARAK BULAN KUALITI, AUDIT BAHASA JADI TUMPUAN



Majlis Sambutan Bulan Kualiti MBSJ 2025 bertepatan "Memperkasa Inovasi, Merealisasikan Aspirasi" dianjurkan oleh MBSJ dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat, MBSJ pada 10 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Pelbagai pengisian ilmu diketengahkan termasuk sesi wacana bahasa oleh wakil DBP, iaitu "Dialog Audit Bahasa" oleh Tuan Abdul Karim bin A. Bakar serta "Bersahabat dengan Kamus" oleh Puan Ruziati Abdul



Rani. Pengisian ini memperkukuh kefahaman warga kerja terhadap penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan berwibawa dalam urusan rasmi serta penyampaian perkhidmatan.

Program turut dimeriahkan dengan Pertandingan Kuiz Bahasa Antara Jabatan, pameran dan aktiviti interaktif DBP termasuk



Ujana Buku DBP, Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan, Roda Kata DBP dan Kaunter Khidmat Nasihat Bahasa. Penganjaran seumpama ini wajar diteruskan sebagai pemangkin pembudayaan kualiti dan pengukuhan komunikasi organisasi demi kemajuan masyarakat.



JALINAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA MBSJ DAN DBP



MBSJ amat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastra yang diketuai oleh Encik Hasanul Isyraf bin Mohammad, Perancang Bahasa, DBP.

Kunjungan ini bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan pengesahan iklan, papan tanda

dan penamaan khas dalam Bahasa Kebangsaan bagi memperkukuh penggunaan bahasa rasmi negara di kawasan pentadbiran MBSJ.

Semoga kunjungan ini dapat memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara MBSJ dan DBP dalam usaha memperkasa martabat Bahasa Kebangsaan di peringkat pihak berkuasa tempatan.





INTEGRITI DAN EMOSI SEIRING DALAM SAMBUTAN BULAN INTEGRITI MBSJ 2025



Majlis Perasmian Program Sambutan Bulan Integriti & Hari Psikologi MBSJ Tahun 2025 bertepatan "Keseimbangan Emosi, Keutuhan Integriti" dianjurkan oleh MBSJ bersama AKRAB MBSJ di Ibu Pejabat, MBSJ pada 13 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Program pada 12 dan 13 November 2025 merangkumi pemeriksaan kesihatan, bicara psikologi, ceramah serta pameran. Antara agensi dan pengisian yang terlibat ialah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Helo Kaunselor, Perubatan Islam Darul Syifa', Santai Coffee Talk, ujian psikologi dan ujian stres.



Penganjuran program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja terhadap kepentingan kesihatan mental, memupuk kesejahteraan psikologi serta memperkukuh nilai integriti dalam

perkhidmatan awam. Inisiatif seumpama ini diharap menjadi pemangkin budaya kerja yang lebih sihat, beretika dan berdaya tahan selaras keperluan organisasi.



12 KUMPULAN BERENTAP DALAM KIA 2025



Konvensyen Inovasi Awam (KIA) 2025 dianjurkan oleh MBSJ di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat, MBSJ pada 25 November 2025. Program ini menyuburkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam.

Sebanyak 12 kumpulan warga kerja MBSJ menyertai konvensyen ini dan membentangkan projek inovasi untuk dinilai oleh panel penilai, Encik Mohd Azwan bin Hj. Mohd Ali dan Encik Mohd Lizuan bin Abd. Latif. Pembentangan ini memberi ruang menentengahkan idea penambahbaikan yang lebih praktikal dan berimpak dalam pelaksanaan tugas.

Penganjuran konvensyen ini diharap memperkukuh budaya kerja berinovasi, di samping menggalakkan amalan penambahbaikan berterusan bagi menyokong penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti.





22 PASUKAN MERIAHKAN EKSPLORASI INTEGRITI DAN INOVASI MBSJ 2025



Program Eksplorasi Integriti dan Inovasi 2025 anjuran MBSJ diadakan pada 15 November 2025 dan disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Penganjuran program memberi tumpuan kepada pembudayaan integriti, pengukuhan daya inovasi serta pemupukan semangat kerjasama dalam kalangan warga kerja MBSJ. Penglibatan berpasukan menyokong amalan

penambahbaikan berterusan agar nilai kerja beretika dapat diterjemahkan secara konsisten dalam tugas harian.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ. Program seumpama ini wajar diteruskan bagi memperkuh disiplin kerja berintegriti serta menyuburkan budaya inovasi yang menyokong penyampaian perkhidmatan berkualiti.



MBSJ LIBAT URUS IKLAN LUARAN, HALA TUJU 2026 DIPERINCI



Sesi libat urus MBSJ bersama Persatuan Syarikat Iklan Luaran Malaysia 2025 diadakan pada 13 November 2025 bagi memperhalusi hala tuju pembangunan infrastruktur iklan luaran dan landskap bandar untuk tahun 2026.

Perbincangan menumpukan prospek pembangunan iklan luaran di Bandaraya Subang Jaya termasuk penyelarasan reka bentuk struktur iklan dan pencahayaan. Pelbagai idea dan pandangan dikongsi bagi memastikan sektor pengiklanan menyumbang kepada imej bandar yang lebih tersusun, kemas dan berdaya huni.

MBSJ merakamkan ucapan terima kasih atas pandangan dan komitmen industri iklan luaran. Hasil libat urus ini diharap memandu penyelarasan reka bentuk, struktur dan pencahayaan iklan secara lebih seragam, sekali gus menyokong landskap bandar yang lebih kemas, selamat dan beridentiti menjelang 2026.





MBSJ KONGSI KEGEMBIRAAN BUAT 10 KELUARGA



Seramai 10 buah keluarga setelah disantuni oleh MBSJ dalam berkongsi kegembiraan semasa Program Ziarah Kasih Deepavali MBSJ 2025 pada 9 Oktober 2025 yang lalu.

Program Ziarah Kasih Deepavali MBSJ 2025 ini berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik Majlis Perwakilan Penduduk (MPP MBSJ Zon 18), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

Selangor (JKM), Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (ICU JPM), Pusat Borong Matahari Sdn. Bhd dan Klinik Care 360.

Dalam program tersebut, kesemua keluarga tersebut telah menerima bantuan berupa wang tunai daripada MBSJ, bakul makanan dan pemeriksaan kesihatan percuma yang disampaikan oleh En. Mehanatan a/l Embamurthi, Ahli Majlis MBSJ (Zon 18).



18 KELUARGA MANGSA KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS TERIMA KEDIAMAN BAHARU



Seramai 18 keluarga yang terjejas dalam insiden kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada 1 April 2025 lega dan gembira menerima kunci kediaman baharu sebagai sebahagian daripada Program Sentuhan Kejayaan KPKT 2025 pada 4 Disember 2025 yang telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertempat di Tapak No. 8, Projek Kampung Kuala Sungai Baru, Putra Heights.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama pegawai MBSJ turut hadir menyaksikan majlis penyerahan kunci tersebut.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri KPKT turut mengumumkan pencapaian memberangsangkan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh SPNB serta melancarkan Aplikasi MyRMR, sebuah platform digital baharu yang merangkumi dua modul utama (Pemohon dan Pegawai SPNB) bagi mempertingkatkan kecekapan proses permohonan, pemantauan dan pengurusan Program RMR secara lebih sistematik dan efisien.





SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2025 SERLAH KEHARMONIAN KOMUNITI BANDAR RAYA



Majlis Sambutan Deepavali Peringkat MBSJ 2025 diadakan di Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah, Selangor pada 14 November 2025. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti merangkap ADN Kinrara, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ dan YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, di samping Ahli-ahli Majlis, ketua-ketua jabatan, warga kerja MBSJ serta komuniti bandar raya.

Sambutan dimeriahkan dengan nyanyian, persembahan tarian India dan cabutan bertuah. MBSJ merakamkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu atas kehadiran dan sokongan, serta berharap sambutan seumpama ini terus menyuburkan budaya saling menghormati dan keharmonian dalam komuniti bandar raya.



DRAF RANCANGAN TEMPATAN SUBANG JAYA 2035 (PENGUBAHAN 1) SEDIA DISEMAK



Bermula 1 – 31 Disember 2025 (Hari Bekerja) MBSJ mengadakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1). Komuniti MBSJ telah dijemput untuk menyemak laporan draf serta mengemukakan cadangan, pandangan atau bantahan. Semakan boleh dibuat di Lobi Ibu Pejabat MBSJ bermula jam 9.00 pagi – 4.00 petang.

Bunting yang memaparkan kod QR dokumen draf, borang bantahan dan maklumat



pengubahan turut dipamerkan di beberapa lokasi seperti Kompleks 3K MBSJ, Jalan SR 3/4, Taman Serdang Raya, Perpustakaan Hypermedia MBSJ, Persiaran Puteri 1, Bandar Puteri, Kaunter Jabatan Perancangan Bandar, Ibu Pejabat MBSJ, PLANMalaysia Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. Dokumen bahan publisiti serta borang bantahan, cadangan dan pandangan juga boleh diakses melalui laman web rasmi MBSJ: www.mbsj.gov.my

Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) turut diadakan pada 1 Disember 2025 yang lalu dan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, di Dewan Serbaguna MBSJ, USJ 7. Turut hadir adalah YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, YB Tuan Abbas Salimi bin Che Azmi @ Azmi, ADN Seri Serdang, ketua-ketua jabatan daerah,

agensi teknikal, wakil PBT bersempadanan, Ahli-ahli Majlis dan pegawai MBSJ.

Penyediaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) ini, selaras Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], merupakan pengubahan kepada Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) yang telah diwartakan pada 26 Mei 2022 (Warta 1920), bagi memastikan panduan dan kawalan pembangunan di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ kekal relevan.



PENGIKTIRAFAN ATAS PEMBUDAYAAN AKTIVITI KITAR SEMULA



Sebagai pengiktirafan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus membudayakan aktiviti kitar semula, MBSJ dengan kerjasama Fraser & Neave Holdings Berhad serta Pejabat Pendidikan Daerah Petaling telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Sekolah MBSJ 2025 pada 3 Disember

2025 bertempat di Hotel Summit, Subang Jaya.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Sekolah MBSJ 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Hotel Summit, Subang Jaya.

Pertandingan ini diadakan bagi mengiktiraf usaha sekolah dalam memupuk amalan kitar semula. Sepanjang tahun 2025, MBSJ telah menerima 49 penyertaan daripada 31 sekolah rendah dan 18 sekolah menengah dengan jumlah bahan kitar semula dikumpulkan dari Januari hingga Oktober 2025 sejumlah

127,516.33 kg yang meningkat berbanding 46,372.52 kg pada tahun 2024. Tahniah kepada semua pemenang dan syabas kepada semua sekolah yang terlibat.



MAJLIS PENYERAHAN LORI BAGI KONTRAK BAHARU PERKHIDMATAN KDEB WASTE MANAGEMENT DI MBSJ



Sekitar Majlis Penyerahan Lori Bagi Kontrak Baharu Perkhidmatan KDEB Waste Management di MBSJ yang telah berlangsung pada 18/12/2025 dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Hutan Bandar USJ 3C, Subang Jaya bersama YBrs. Tuan Haji Ahmad Rizal Mohd Daud, Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat KDEBWM.

Turut hadir ialah YB Tuan Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang, YB Puan Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta ahli-ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBSJ.

Dalam majlis ini, KDEB Waste Management (KDEBWM) telah menyerahkan sebanyak 171 unit lori baharu merangkumi 77 unit lori kompaktor dan 94 unit lori armroll kepada MBSJ sempena pelaksanaan kontrak baharu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2033.

Penyerahan ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dan KDEBWM dalam memperkukuh kecekapan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal serta memastikan penyampaian perkhidmatan bandar yang lebih sistematik, mampan dan berkesan demi kesejahteraan warga Subang Jaya.





TOTYA 2025 ANGKAT BUDAYA KEBERSIHAN AWAM



Majlis Toilet Of The Year Award 2025 (TOTYA 2025) diadakan di The Westin, Kuala Lumpur pada 19 November 2025 dan disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penganjuran ini menekankan kepentingan kebersihan kemudahan awam sebagai cerminan kesejahteraan masyarakat.

Penganjuran tahun ini mencatat penyertaan tertinggi sebanyak 744 premis dari seluruh negara. Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada agensi kerajaan dan sektor swasta atas usaha menyediakan kemudahan tandas awam bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW).



Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ. Penganjuran TOTYA 2025 menjadi penanda aras yang menggalakkan usaha berterusan agar kemudahan awam sentiasa berada pada tahap terbaik demi kesejahteraan masyarakat.



LINDUNGI KAKITANGAN MBSJ MELALUI IMUNISASI INFLUENZA



Bagi melindungi kakitangan dari wabak Influenza, MBSJ telah menganjurkan Program Imunisasi Influenza MBSJ 2025 yang telah berlangsung pada 9 Disember 2025 bertempat di Lobi, Ibu Pejabat MBSJ.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ turut meluangkan masa hadir dan mengambil bahagian dalam program ini dengan menerima suntikan vaksin influenza sebagai sokongan kepada pelaksanaan inisiatif kesihatan dalaman MBSJ.

Diharapkan inisiatif ini dapat meningkatkan tahap perlindungan kesihatan warga kerja melalui pencegahan awal.





CERAMAH CAKNA PENGURUSAN EMOSI DAN KERJAYA



Dengan matlamat untuk menjadikan tenaga kerja wanita MBSJ cakna dengan pengurusan emosi dan kerjaya, MBSJ telah berkolaborasi dengan PUSPANITA MBSJ menganjurkan Ceramah "Cabaran Wanita Berkerjaya di Bandar" pada 29 Oktober 2025 di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Sesi ceramah ini menumpukan kepada isu dan cabaran wanita berkerjaya di bandar, termasuk pengimbangan kerjaya dan keluarga, pengurusan tekanan emosi, serta sokongan kerohanian dalam kerjaya.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustazah Nazirah Binti Abu Bakar, Penolong Pengarah Kanan, JAKIM dan dimoderatorkan oleh Sr.



Puan Aida Binti Omar, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBSJ.

Turut hadir memeriahkan sesi ini ialah YBhg.

Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

CERAMAH IPD SUBANG JAYA BANTU CEGAH PENIPUAN



Sesi ceramah kesedaran dan pencegahan penipuan disampaikan oleh Tuan ASP Ahmad Muslim bin Saad, Pegawai Penyiasat Jenayah Komersial, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD Subang Jaya di Dewan Kenanga, MBSJ pada 19 November 2025. Ceramah ini memperkukuh kesiapsiagaan warga kerja

daripada menjadi mangsa penipuan.

Pengisian ceramah merangkumi modus operandi, kategori penipuan serta teknik yang lazim digunakan oleh scammer. Perkongsian ini membantu peserta mengenal pasti tanda awal penipuan dan melaksanakan semakan

wajar sebelum mengambil tindakan melibatkan maklumat peribadi atau kewangan.

Peserta turut diberikan garis panduan serta langkah pencegahan bagi mengukuhkan kesiapsiagaan, di samping melindungi diri dan persekitaran kerja daripada risiko



penipuan. Usaha berterusan seperti ini penting bagi memastikan warga kerja lebih peka, berwaspada dan mampu bertindak tepat apabila berdepan situasi mencurigakan.





MBIP KE MBSJ, AMALAN TERBAIK PENGUATKUASAAN DIKONGSI



Sinergi penguatkuasaan antara pihak berkuasa tempatan terus diperkuh menerusi lawatan penandaarasan strategik Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) ke Ibu Pejabat, MBSJ pada 4 November 2025. Lawatan ini memberi tumpuan kepada perkongsian pendekatan kerja dan amalan terbaik dalam aspek penguatkuasaan serta tadbir urus.

Sesi ini menjadi platform perkongsian maklumat dan pengalaman bagi memperkuh pelaksanaan fungsi penguatkuasaan,

memperluas jaringan profesional serta menerapkan amalan terbaik ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan.

MBSJ merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian MBIP berkongsi pandangan yang bermanfaat. Kerjasama berterusan ini diharap menjadi pemangkin yang memperkuh pengurusan berkualiti serta memperluas amalan terbaik pentadbiran.



Lawatan penandaarasan daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) yang diketuai Encik Azrullail bin Masijan, Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBIP ke Ibu Pejabat, MBSJ pada 26 November 2025 memfokuskan perkongsian pengurusan sumber manusia yang tersusun dan berkesan.

Sesi taklimat disampaikan dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ dan YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ bersama pegawai MBSJ. Perkongsian ini memberi pendedahan, memahami pendekatan serta bertukar pengalaman

berkaitan pengurusan sumber manusia yang dilaksanakan oleh MBSJ.

MBSJ merakamkan ucapan terima kasih atas lawatan dan perkongsian yang bermanfaat. Lawatan penandaarasan strategik ini diharap dapat memperkuh pengurusan berkualiti serta memperluas amalan terbaik pentadbiran.

MBSJ KONGSI AMALAN SUMBER MANUSIA





MBSJ BANTERAS AKTIVITI BESI BURUK HARAM



Operasi Bersepadu digerakkan oleh MBSJ bagi menangani aktiviti besi buruk dan pembuangan sampah di atas sebahagian tanah kerajaan di Jalan Puchong, Batu 12, Bandar Puteri, Puchong, Selangor pada 18 November 2025. Langkah ini menegaskan keutamaan keteraturan persekitaran dan keselamatan komuniti setempat.

Operasi ini dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai jabatan dalam MBSJ iaitu Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Penguatkuasaan,

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Landskap serta Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling turut hadir dalam operasi ini.

MBSJ akan meneruskan pemantauan berkala dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan serta syarat yang telah ditetapkan. Orang awam turut dinasihatkan mematuhi undang-undang dan tidak mendirikan struktur secara haram di atas tanah rezab awam demi memastikan persekitaran yang lebih teratur dan selamat untuk komuniti setempat.



MBSJ TEGAS: OPERASI BUKIT SERDANG, BARANGAN PENJAJA DISITA



Operasi sitaan terhadap barangan milik penjaja warga asing dilaksanakan di sekitar Taman Bukit Serdang, Seksyen 5, Seri Kembangan pada 12 November 2025. Tindakan ini memperkukuh pematuan peraturan di kawasan awam.

MBSJ kekal komited memastikan pematuan undang-undang dan peraturan pihak berkuasa melalui pemantauan berkala, di samping tindakan perundangan terhadap mana-mana pihak yang melanggar syarat serta peruntukan yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan memastikan pengurusan kawasan awam lebih teratur, selamat dan selesa untuk komuniti setempat.



Orang awam yang ingin membuat aduan berkaitan pelanggaran peraturan boleh menyalurkan maklumat melalui saluran rasmi berikut: Laman web rasmi MBSJ (Saluran Aduan) dan WhatsApp Jabatan Penguatkuasaan, MBSJ: 019-220 7823.

PREMIS SNOOKER DISITA DAN DITUTUP



MBSJ telah melaksanakan operasi serbuan ke atas beberapa pusat snooker di sekitar kawasan Taman Industri Subang dan Jalan Persiaran Subang Permai, Subang Jaya, yang beroperasi tanpa lesen dan terlibat dalam aktiviti judi dalam talian. Premis terbabit telah disita dan ditutup segera selaras dengan peruntukan undang-undang.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan undang-undang

akan diambil terhadap mana-mana pihak atau individu yang didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Sebarang aduan mengenai pelanggaran peraturan MBSJ boleh disalurkan melalui laman web <https://www.mbsj.gov.my/ms/> saluran-aduan atau WhatsApp Jabatan Penguatkuasaan MBSJ di 019 220 7823.





LAKSANA OPERASI BAGI KEKALKAN TAHAP KEBERSIHAN DEMI KESIHATAN AWAM



MBSJ melalui Jabatan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Penguatkuasaan MBSJ telah melaksanakan Operasi Pemeriksaan Premis Makanan di sekitar Taman Puncak Jalil.

Hasil pemeriksaan mendapati tiga (3) premis makanan dikenakan tindakan penutupan serta-merta di bawah UUK 62, Undang-Undang Kecil Establishment Makanan (MBSJ) 2007 kerana tidak bersih dan boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam.

Selain itu, Notis Tindakan Kompau (NTK) turut dikeluarkan di bawah UUK 20 atas kesalahan tidak memasang perangkap minyak dan Seksyen 46(1)(d), Akta 133 atas kesalahan meletakkan kerusi / meja dan gerai di kawasan awam yang menyebabkan halangan.

MBSJ menasihatkan pengusaha premis makanan agar sentiasa mematuhi peraturan dan mengekalkan tahap kebersihan demi kesihatan awam.



MBSJ SITA LORI DAN JENTERA PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PUCHONG



Sebuah lori yang sedang menjalankan aktiviti pembuangan sisa tanah serta sebuah jentera backhoe jenis Case 580K yang digunakan bagi kerja-kerja menimbus sampah haram telah disita serta-merta oleh MBSJ pada 17 Disember 2025 apabila pihak terlibat gagal mengemukakan sebarang dokumen atau surat kebenaran yang sah daripada MBSJ untuk penggunaan kawasan tersebut sebagai lokasi pengumpulan sementara sisa domestik.

Tindakan tegas tersebut diambil oleh pihak MBSJ bagi menangani isu aktiviti pembuangan

dan penimbunan sampah haram di kawasan Kampung Seri Aman Tengah, Puchong, Selangor.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap mana-mana pihak atau individu yang didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Sebarang aduan mengenai pelanggaran peraturan MBSJ boleh disalurkan melalui laman web <https://www.mbsj.gov.my/ms/> saluran-aduan atau WhatsApp Jabatan Penguatkuasaan MBSJ di 019 220 7823.





ANJUR PELBAGAI AKTIVITI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA



Bagi menyahut seruan ke arah melahirkan kakitangan yang sihat dan sejahtera, MBSJ telah merencanakan pelbagai aktiviti bersempena dengan sambutan Hari Sukan Negara 2025 pada 11 Oktober 2025 bertempat di Arena MBSJ.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama kehadiran warga kerja dan komuniti MBSJ.

Pelbagai aktiviti riadah dilaksanakan semasa program berlangsung seperti senamrobik, pertandingan sepak penalti, netball 3 on 3, pickleball dan sepak takraw bulatan yang menggalakkan semangat kesukanan dan gaya hidup aktif.

Terima kasih kepada semua yang turut serta menjayakan program ini sekaligus menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan aktiviti riadah dan sukan sebagai budaya kehidupan sihat.



MBSJ GALAK KOMUNITI SIHAT MELALUI PENGANJURAN PERLAWANAN PICKLEBALL



Satu Perlawanan Pickleball antara MBSJ dan penduduk Puchong Utama 2 & 3 telah berlangsung pada 6 Disember 2025 bertempat di Gelanggang Puchong Utama 2 & 3.

YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang bersama Ahli Majlis MBSJ turut serta memeriahkan program bersama penduduk setempat.

Program ini dianjurkan bagi memperkukuh kerjasama antara MBSJ dan komuniti setempat, di samping menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti riadah serta amalan gaya hidup sihat.





KEJOHANAN SELANGOR CRITERIUM SERIES 2025 (SCS2025) MELABUHKAN TIRAINYA



MBSJ berbesar hati menjadi tuan rumah Kejoohan Selangor Criterium Series 2025 (SCS2025) – Finale anjuran Selangor Youth Community (SAY) yang berlangsung pada 5 Oktober 2025.

Majlis penyampaian hadiah kejoohan telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Kejoohan ini merupakan kejoohan pembangunan lumba basikal bersiri peringkat Negeri Selangor yang diilhamkan oleh DYTMM Raja Muda Selangor, bagi menarik minat belia serta mencungkil bakat baharu dalam sukan basikal, sekali gus menyumbang kepada pembangunan sukan ini di Selangor dan Malaysia.

MBSJ sentiasa menyokong penganjuran program berimpak tinggi yang memperkukuh pembangunan sukan akar umbi serta membentuk komuniti Subang Jaya yang sihat, aktif dan berdaya saing.



SESI PENGENALAN 10 PENAJA UTAMA SUBANG JAYA HALF MARATHON (SJHM) 2026



Seramai 10 penaja utama Subang Jaya Half Marathon (SJHM) 2026 telah diperkenalkan dalam satu Majlis Penyerahan Tajaan & Sidang Media Subang Jaya Half Marathon (SJHM) 2026 yang telah berlangsung pada 10 Disember 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar

MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, penaja bersama, ahli-ahli majlis serta ketua-ketua jabatan MBSJ.

Majlis ini memperkenalkan 10 penaja utama yang memberikan sokongan penting bagi penganjuran program berprestij ini. SJHM 2026 dijadualkan berlangsung pada 8 Februari 2026 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya

(MBSJ) dengan kerjasama Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd. dan Persatuan Olahraga Para Selangor.

Melalui kolaborasi strategik bersama penaja, SJHM 2026 diharapkan dapat memperkukuh gaya hidup sihat, mempromosi aktiviti sukan, dan mengeratkan perpaduan komuniti bandar raya Subang Jaya.





RAJA MUDA SELANGOR BERANGKAT KE SFC PARTNERS PRESENTATION DAY 2025



DYTM Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Raja Muda Selangor, berkenan berangkat menyempurnakan SFC Partners Presentation Day 2025 di Stadium MBPJ, Kelana Jaya pada 12 Oktober 2025.

Program anjuran Selangor FC ini memperkukuh sinergi antara kepimpinan negeri, sektor korporat dan komuniti bola sepak, selain menghargai rakan penaja yang terus menyokong pembangunan sukan Selangor.

Turut hadir bersama adalah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri

Selangor serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Majlis turut diserikan dengan perlawanan persahabatan antara Pasukan Pilihan DYTM Raja Muda Selangor dan Pasukan Pilihan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, yang mencerminkan semangat kesukuan serta kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan komuniti bola sepak.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, turut mewakili pasukan pilihan Dato' Menteri Besar Selangor dalam perlawanan tersebut.



MBSJ NAIB JUARA PERLAWANAN PERINGKAT AKHIR MAKSAK GAMES 2025 - FUTSAL LELAKI & WANITA



Sekitar Perlawanan Peringkat Akhir MAKSAK Games 2025 - Futsal Lelaki & Wanita bertempat di Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Selangor.

Tahniah diucapkan kepada pasukan futsal lelaki dan wanita Selangor yang telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan.

Turut hadir memberikan sokongan ialah YB Dato' Dr. Ahmad Fadzi bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.



JOHAN MAKSAT SELANGOR



MAKSAT SELANGOR RANGKUL GELARAN JOHAN DALAM FESTIVAL ANAK SENI MAKSAT (FASIM) 2025



Syabas dan tahniah diucapkan kepada SMAKSAT Selangor atas kejayaan merangkul gelaran Johan dalam Festival Anak Seni MAKSAT (FASIM) 2025 bagi kategori Battle of Band dan Tarian Kreatif yang telah berlangsung pada 19 Oktober 2025 bertempat di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Putrajaya.

Penyertaan MAKSAT Selangor kali ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Johary Bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), dan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Pasukan ini turut menerima Hadiah Khas Juri atas persembahkan cemerlang yang dipersembahkan iaitu Gubahan Lagu Terbaik (Tarian Kreatif), Drummer Terbaik (Encik Norizat Abd Kadir) serta Lagu Asli Lelaki (Naib Johan).

Seluruh warga bandar raya bangga atas kejayaan dan pencapaian yang membanggakan ini.



BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2026

Rebut peluang menangi
EMAS bernilai

RM30,000

Jom cepat bayar cukai!

SYARAT PENYERTAAN

1. Akaun tiada tunggakan cukai
2. Bayar cukai setahun (**penggal 1 dan 2, tahun 2026**)
3. Bayar cukai melalui DuitNow QR di PBTPay
4. Tarikh bayaran bermula **1 Disember 2025 sehingga 28 Februari 2026**



Scan kod QR untuk
Terma dan syarat



Scan kod QR untuk
bayar di PBTPay



pbtpay.kpkt.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.